Title	Sekilas pertembungan bahasa dan budaya
Author(s)	Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Source	*Aktivis, 2011*(11), 53-54
Published by	Persatuan Budaya Melayu Institut Pendidikan Nasional Kampus Townsville

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

This paper was archived with permission from the publisher.

SEKILAS PERTEMBUNGAN BAHASA DAN BUDAYA

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz

Noam Chomsky (1975:10) merumuskan bahawa bahasa adalah cerminan minda masyarakat. Rumusan ini menitikberatkan peranan minda dalam memanifestasikan keinginannya melalui bahasa. Maka rumusan ini secara tidak langsung mengaitkan bahasa dengan psikologi. Beliau menjelaskan bahawa minda mempunyai kemampuan dalaman (*innate*) secara semulajadi yang menghasilkan prinsip-prinsip (*principles*) dan tanggapan-tanggapan (*conceptions*) yang menghasilkan ilmu pengetahuan (*knowledge*) apabila didesak oleh indera (*sense*) untuk menghasilkan ilmu pengetahuan tersebut. Ini bermakna bahawa minda adalah sebuah mekanisme kognitif yang hanya memerlukan pengalaman untuk menggerakkannya. Dasar ini menyebabkan Chomsky beranggapan bahawa penjelasan mengenai kemampuan berbahasa seharusnya dilihat daripada struktur minda bukan struktur kata. Beliau memperkenalkan Teori Tatabahasa Generatif (*Theory of Generative Grammar*) atau Tatabahasa Transformasi (*Transformational Grammar*) yang kemudian digabungkan menjadi tatabahasa Tranformatif-Generatif. (TG)

Teori ini melakarkan bahawa pemerolehan dan penghasilan bahasa seseorang itu mampu direalisasikan melalui sejumlah prinsip-prinsip yang terbatas tetapi membenarkan seseorang penutur itu menghasilkan jumlah kata-kata yang tidak terbatas. Korelasi antara prinsip yang terbatas dan penghasilan yang tidak terbatas ini dikenali sebagai *kecekapan* atau *struktur dalaman tatabahasa* (*competence or deep-structure grammar*) dan *kelakonan* atau *struktur permukaan tatabahasa* (*performance or surface-structure grammar*). Kecekapan merupakan kemampuan sedia-ada penutur dalam menghasilkan kata-kata yang belum mempunyai struktur sempurna apabila terdesak. Kecekapan ini apabila digabungkan dengan pengalaman akan menghasilkan kelakonan atau kata-kata sempurna yang mampu membentuk ayat yang gramatis atau sempurna. Tahap kelakonan ini merupakan tahap penjanaan tatabahasa memandangkan di tahap ini, penutur telah ada set prinsip dasar atau rumus-rumus dasar tertentu yang membenarkannya menghasilkan ayat-ayat lain. Ini merupakan idea induk dalam teori tatabahasa TG.

Rumusan yang dibuat oleh Chomsky menonjolkan bahawa kemampuan pemerolehan bahasa seseorang itu adalah secara semulajadi berkat daripada mekanisme dalaman yang sedia ada di dalam minda yang membenarkan ia memperolehi bahasa atau menghasilkan bahasa yang berkesan dalam susunan yang gramatis. Bahasa tidak menentukan cara minda beroperasi atau membentuk prinsip-prinsip kognitif yang membendungnya. Sebaliknya minda adalah punca kepada segala perlakuan pertuturan.

Hipotesis Sapir-Wolf (Cleary & Linn 1993 : 101-102) pula menekankan bahawa cara seseorang itu berfikir ditentukan oleh struktur bahasa ibunda penuturnya. Edward Sapir mendefinisikan bahasa sebagai cara yang digunakan untuk menyampaikan buah fikiran, perasaan dan hasrat melalui lambang-lambang yang dihasilkan secara sewenang-wenangnya. Beliau menekankan bahawa bahasa bukan hanya menentukan corak budaya, tetapi menentukan juga cara dan jalan pemikiran manusia sehinggakan mempengaruhi tindak-laku manusia itu sendiri. Maka setiap bangsa di dunia ini mempunyai pemikiran yang berbeza memandangkan mereka mempunyai bahasa yang berbeza.

Benjamin Lee Whorf, melalui teori beliau iaitu *relativiti bahasa* (*linguistic relativity*), menekankan bahawa tafsiran manusia terhadap sesuatu fenomena di dunia adalah berbeza kecuali mereka mempunyai latarbelakang linguistik yang sama memandangkan penutur menentukan pandangan dunianya melalui kategori tatabahasa dan klasifikasi semantik yang wujud dalam sistem bahasa dan budaya yang diwarisinya. Whorf menyatakan bahawa terdapat keserasian dalam hubungan ketiga-tiga unsur iaitu bahasa, pemikiran dan budaya sementara bahasa pula berfungsi sebagai penentu utama (*prime determiner*) kepada pemikiran. Hipotesis ini bercanggah dengan rumusan Chomsky kerana ia menekankan budaya sebagai pembentuk bahasa.

Tham (1990:14) menjelaskan bahawa kedua-dua tanggapan ini menghasilkan dua set hubungan iaitu antara bahasa dengan proses kognitif minda; dan bahasa dengan budaya atau faktor kesekitaran. Perkembangan seumpama ini menyebabkan berlakunya evolusi bahasa dengan begitu cepat dan berkesan. Bahasa mampu bergerak memandangkan terdapat hubungan keserasian antara pemikiran, bahasa dan budaya. Keadaan inilah yang memangkinkan penyelidikan mengenai evolusi bahasa Melayu terutama sekali di Singapura. Rakyat Singapura sedang mengalami satu proses penyerapan nilai-nilai baru dengan kehadiran globalisasi dan prinsip bandar kosmopolitan. Pengaruh terhadap budaya dan minda menyebabkan berlakunya penyesuaian dalam bahasa Melayu terutama sekali penggunaan bahasa secara sewenang-wenangnya di internet.

Kedua-dua pandangan ini juga menekankan bahawa bahasa adalah penentu realiti iaitu budaya. Perkembangan sesuatu budaya dalam masyarakat selari dengan perkembangan bahasa manusia kerana bahasa diperlukan untuk menerangkan realiti budaya yang dialami manusia. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya perubahan ke atas bahasa dari segi struktur dan maknanya, terutama sekali terhadap bahasa yang dinamis seperti bahasa Melayu dan Inggeris. Bahasa yang tidak mampu melalui evolusi kepada satu bentuk yang sesuai dengan perkembangan budaya semasa akan pupus seperti yang berlaku terhadap bahasa Latin dan Sanskrit. Bahasa Latin merupakan induk kepada bahasa Inggeris hari ini. Namun demikian, ia pupus sedangkan bahasa Inggeris terus berkembang bahkan mempengaruhi bahasa-bahasa lain di dunia ini. Adakah bahasa Melayu mampu mengikut pencapaian bahasa Inggeris dalam melahirkan suatu bentuk bahasa yang baru dan dibudayakan?

Perubahan sesuatu keadaan kepada yang lebih sesuai dengan keperluan semasa dikenali sebagai proses evolusi. Setiap bahasa di dunia ini terpaksa melalui proses ini agar terus hidup atau digunakan. Evolusi bahasa merupakan satu proses yang berlaku sejak zaman awal kewujudan sesuatu bahasa. Bahasa Melayu merupakan satu bahasa yang dinamis kerana keanekaragaman yang terdapat di dalamnya dalam perkembangannya. Sejak zaman awal lagi ia telah dipengaruhi bahasa-bahasa asing seperti bahasa Sanskrit, Arab dan Cina melalui proses akulturasi atau pembudayaan. Zaman pertengahan pula memperlihatkan pengaruh penjajah seperti Portugis, Belanda, British dan Jepun mempengaruhi bahasa Melayu. Zaman moden ini memperlihatkan pengaruh bahasa Inggeris yang lebih kukuh disamping pengaruh budaya elektronik melalui internet terhadap bahasa Melayu.

Rujukan

Chomsky, N 1975. *Reflections on Language*. New York. Pantheon Books.
Cleary & Linn 1993. *Lingusitics For Teachers*. Singapore. McGraw Hill Inc.Tham Seong Chee 1990. *A Study of the evolution of the Malay Language : Social Change and Cognitive Development*. Singapore. Singapore University Press.